

MAHATHIR-SEKOLAH

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9 MALAM INI)

1977
KUALA LUMPUR, 26 SEPT. (BERNAMA) — PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI BAHASA MALAYSIA SEKARANG DIGUNAKAN SEBAGAI BAHASA PENGANTAR SEPENUHNYA SEHINGGA TINGKATAN DUA DI SEMUA SEKOLAH MENENGAH BANTUAN KERAJAAN.

BELIAU YANG JUGA MENTERI PELAJARAN PUASHATI DENGAN KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI OLEH SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP SEKOLAH, GURU DAN IBU BAPA AKAN TERUS BERUSAHA MEMAIN PERANAN MASING-MASING UNTUK MEMAJUKAN PELAJARAN DI BAWAH DASAR SISTEM YANG BERJALAN SEKARANG.

BELIAU TELAH BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANGTAHUN KE-80 SEKOLAH MENENGAH PEREMPUAN METHODIST DI SINI.

BELIAU JUGA MEMUJI PIHAK PENTADBIR SEKOLAH-SEKOLAH KRISTIAN METHODIST KERANA MENERIMA DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN DAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SEBAGAI BAHASA PENGANTAR SEJAK AWAL-AWAL LAGI.

KEPUTUSAN YANG DIAMBIL OLEH PIHAK PENTADBIR SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT MEMUDAHKAN PERHUBUNGAN ANTARA PENTABIR SEKOLAH DENGAN KERAJAAN. —BERSAMBUNG 1923/BY

MAHATHIR-SEKOLAH 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA YANG LEBIH PENTING LANGKAH ITU MENJADIKAN LEBIH MUDAH BAGI KERAJAAN MELAKSANAKAN DAAR PELAJARAN NEGARA.

MENGENAI BANTUAN ORANGRAMAI TERHADAP PROJEK BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH, BELIAU BERKATA KERAJAAN SENTIASA MENGHARGAI USAHA TERSEBUT.

BELIAU BERBANGGA KERANA DALAM MASYARAKAT INI, ORANG-ORANG BERADA BIASANYA MENGHULURKAN SUMBANGAN IKHLAS UNTUK MENOLONG MEREKA YANG PERLUAN BANTUAN.

DR. MAHATHIR JUGA MENASIHATKAN IBUBAPA SUPAYA SENTIASA MENGAWASI ANAK-ANAK MEREKA DARI PENGARUH KURANG SIHAT SEPERTI DADAH.

+MEMILIKI WANG DAN KEKAYAAN TIDAK BERGUNA JIKA ANAK-ANAK TIDAK BERJUDI-PEKERTI DAN BERAKHLAK MULIA SERTA TIDAK BERILMU+, KATANYA. —BERNAMA 1925/BY